

**PENDAFTARAN PENGAJIAN PELAJAR BAHARU DAN PELAJAR TAHUN AKHIR  
DARI KAWASAN BERISIKO COVID -19 BAGI MEMATUHI PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN DIPERKETATKAN SECARA PENTADBIRAN**

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran telah dilaksanakan bermula 3 hingga 30 Ogos 2020 di empat mukim di Kedah iaitu Mukim Hosba (Kubang Pasu), Mukim Ah, Mukim Binjal dan Padang Terap. Ini adalah susulan penularan wabak Covid-19 di empat mukim yang terlibat.

Selaras dengan itu, pihak JPPKK menyarankan agar semua politeknik dan kolej komuniti di kawasan terlibat serta politeknik dan kolej komuniti yang akan menerima pelajar dari kawasan yang terlibat supaya menjadual semula tarikh pelajar berkenaan hadir ke institusi kepada **1 September 2020**. Bagaimanapun, tarikh ini mungkin berubah dan bergantung kepada keadaan dan arahan semasa daripada pihak Kerajaan Malaysia.

Institusi juga disarankan untuk mengadakan pendaftaran dan pelaksanaan kelas secara dalam talian bagi pelajar yang terkesan. Bilik Gerakan Covid-19 perlu diaktifkan dan laporan harian mengenai status Covid-19 dilaporkan kepada Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK), JPPKK.

Institusi dinasihatkan sentiasa berbincang dan akur dengan arahan MKN, KKM dan pihak berkuasa negeri serta sentiasa mematuhi SOP keselamatan dan kesihatan dalam pengendalian PdP di institusi.

Sebarang perubahan arahan adalah tertakluk kepada situasi semasa Covid-19 serta arahan terkini daripada pihak Majlis Keselamatan Negara.

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
3 OGOS 2020**